

TEKS

YB SENATOR DATIN PADUKA CHEW MEI FUN TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

MAJLIS PERASMIAN KEMPEN JOM DAFTAR PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA

DEWAN PERDANA NUR, ARAS B1, KPWKM
11 OGOS 2016

[SENARAI SALUTASI PERLU DIKEMASKINI PENGANJUR].

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam 1Malaysia.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada hadirin sekalian kerana sudi hadir bersama-sama ke Kempen Jom Daftar Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Saya juga mengalu-alukan kehadiran pegawai-pegawai Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Dewan Bandar raya Kuala Lumpur kerana sudi hadir pada hari ini untuk memeriahkan Kempen Jom Daftar ini dengan pembukaan kaunter perkhidmatan, pameran serta penyampaian taklimat secara terus dan lebih terperinci kepada para pengusaha TASKA sekalian.
2. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan kerjasama Persatuan TASKA Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PEPENTA) dan Persatuan TASKA Wilayah Persekutuan Putrajaya (PUSPAJAYA) atas komitmen dalam menganjurkan program ini. Syabas saya ucapkan!

Hadirin yang dikasihi sekalian,

3. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin dengan keperluan kumpulan sasar terutama melibatkan penjagaan dan pengasuhan kanak-kanak di TASKA. Justeru, salah satu inisiatif Kementerian adalah dengan mengadakan program seperti ini dalam usaha memberi pendedahan kepada pengusaha TASKA berkaitan kepentingan aspek keselamatan dan kualiti pengasuhan terhadap kanak-kanak. Kementerian sedar betapa pentingnya penyediaan pendidikan awal yang baik dan berkualiti kepada kanak-kanak sebagai asas

kepada pembangunan insan yang mampu melahirkan generasi pelapis berminda kelas pertama. Sehubungan itu, penubuhan TASKA yang mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh JKM akan memberi sokongan kepada para ibu bapa yang bekerja selain mengurangkan kebergantungan kepada pembantu rumah warga asing.

4. Sebagai makluman tuan-puan, sehingga Julai 2016, sebanyak 4,240 buah TASKA telah berdaftar di bawah JKM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,393 buah TASKA Institusi, 44 buah TASKA Komuniti, 625 buah TASKA di Rumah, 34 buah TASKA di Tempat Kerja Sektor Swasta dan 144 buah TASKA Tempat Kerja di Sektor Awam. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya terdapat 370 buah TASKA dengan 224 buah TASKA Institusi, 4 buah TASKA Komuniti, 93 buah TASKA di Rumah, 8 buah TASKA di Tempat Kerja Sektor Swasta dan 41 buah TASKA Tempat Kerja di Sektor Awam. Saya yakin bahawa bilangan TASKA yang telah saya nyatakan sebentar tadi bukan satu jumlah yang sebenar, kerana masih banyak TASKA di luar sana yang masih belum berdaftar.
5. Ingin saya kongsi di sini bahawa sekiranya TASKA masih tidak berdaftar dengan JKM, tindakan akan diambil, seperti kompaun, lak dan jika tiada sebarang usaha atau inisiatif pengusaha TASKA untuk mendaftar, mereka akan didakwa di mahkamah. Walau bagaimanapun, pihak JKM akan memberikan khidmat nasihat dan panduan kepada pengusaha TASKA sebelum pelbagai tindakan diambil serta pengusaha TASKA diberikan tempoh selama 2 minggu untuk menyediakan dokumen pendaftaran TASKA dan hadir ke pejabat kebajikan berdekatan kawasan masing-masing. Tetapi, jika pengusaha TASKA tidak berusaha untuk mendaftar, surat amaran akan dikeluarkan sehingga 3 kali sebelum tindakan seperti yang telah saya sebutkan tadi diambil.
6. Sebagai makluman tuan-puan, hasil daripada operasi pemutihan mendapati bahawa sehingga Julai 2016, terdapat 938 buah TASKA yang masih belum berdaftar. Selain itu terdapat 2 buah TASKA di lak, 4 buah TASKA dikenakan tindakan pendakwaan, 5 buah TASKA di kompaun, 3 buah TASKA di arah tutup sementara dan 39 buah TASKA telah dibatalkan pendaftaran. Operasi pemutihan yang dijalankan bukan bermaksud untuk menutup operasi TASKA, sebaliknya untuk membantu pengusaha mendaftarkan TASKA. Oleh yang demikian, saya menyeru agar para pengusaha sekalian mendaftar TASKA dalam usaha mengelakkan pelbagai perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. KPWKM telah menubuhkan *Task Force Ramping Up The Early Childhood Care and Education Industry* yang telah dipengerusikan oleh saya untuk membincangkan isu-isu, cabaran dan penambahbaikan secara holistik pengoperasian dan kualiti TASKA di Malaysia. Saya percaya, dengan adanya

task force ini, hasrat Kementerian terhadap pengukuhan sistem asuhan dan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti tinggi, selamat, mampu milik (*affordable*) dan kebolehcapaian (*accessible*) sekali gus menambah kuantiti dan kualiti TASKA yang berdaftar dapat dicapai.

8. Oleh yang demikian, pelbagai aktiviti menarik telah disediakan pada hari ini terutama slot taklimat daripada wakil agensi teknikal yang mana amat penting untuk dijadikan sebagai panduan dalam mengendalikan TASKA dengan cemerlang. Saya amat berharap, agar hadirin sekalian menggunakan peluang yang telah diberikan dengan sebaik-baiknya dalam membantu melancarkan operasi TASKA hadirin kelak. Kempen Jom Daftar seperti ini telah diadakan di seluruh negeri, iaitu Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka, Sarawak serta Labuan masing-masing sekali; Perak dan Kelantan masing-masing dua (2) kali; Johor, Pahang dan Sabah (3 kali); dan Kedah serta Terengganu (4 kali). Kempen ini akan dilaksanakan di seluruh negeri sehingga bulan September 2016 dalam usaha meningkatkan kesedaran pengusaha TASKA untuk berdaftar dengan JKM.
9. KPWKM ingin menyeru semua TASKA yang akan ditubuhkan, khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya berdaftar dengan JKM selain dapat beroperasi dengan selamat dan sifar bagi kes kemalangan, kecederaan, penderaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak. Para pengusaha TASKA perlu memastikan TASKA mereka sentiasa memenuhi standard minimum yang telah ditetapkan oleh JKM. Hal ini kerana, peranan TASKA dilihat amat penting dalam membantu kanak-kanak membesar dengan seimbang daripada segi mental dan fizikal. Oleh itu, kemahiran, pengetahuan dan pengalaman penjagaan, pengasuhan dan pendidikan kanak-kanak amat penting bagi setiap pengasuh dan pengusaha TASKA yang berperanan dalam menyumbang kepada perkembangan kanak-kanak.

Hadirin sekalian,

10. KPWKM amat menggalakkan dan mengalu-alukan sokongan daripada persatuan TASKA serta pihak agensi teknikal dalam mengadakan program bersama untuk meningkatkan kesejahteraan hidup kumpulan sasar. Usaha kalian dalam membantu pengusaha TASKA menjalankan operasi TASKA dengan berkesan amat dihargai. Semoga dengan perkongsian strategik ini akan memberi manfaat kepada hadirin sekalian selain dapat berkongsi amalan terbaik.
11. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada JKM Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya atas inisiatif yang diambil dalam penganjuran kempen Jom Daftar ini. Diharap

kerjasama antara semua yang hadir pada hari ini akan terus terjalin bagi memastikan perkhidmatan TASKA diberikan perhatian yang sewajarnya.

12. Dengan ini, saya merasmikan **Kempen Jom Daftar Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya 2016**.
13. Terima kasih.